

## ABSTRAK

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji sejauh manakah berlakunya percampuran dan penukaran kod dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan serta faktor-faktor yang mendorong penulis lirik lagu-lagu Tamil tempatan melakukan percampuran dan penukaran kod. Bagi mencapai objektif ini kekerapan percampuran dan penukaran kod yang berlaku dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan pada peringkat kata, frasa, klausa dan ayat dianalisis. Di samping itu, penumpuan juga diberi pada jenis-jenis bahasa yang sering ditukarkodkan dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan. Pengkaji juga telah menganalisis pelbagai pola percampuran kod yang wujud dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan. Pengaslian ataupun *nativisation* kata-kata asing ke dalam lirik lagu-lagu Tamil tempatan dikaji dari sudut proses pengasimilasian yang melibatkan unsur-unsur tatabahasa Tamil.

Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif mudah untuk menjalankan kajian ini. Data utama kajian ini diperolehi daripada MP3 *ni:nka:ta nencil: Voice of mannin maintarkal 2010* yang mengandungi 65 buah lagu-lagu Tamil tempatan yang terkini. Lirik lagu-lagu Tamil tempatan tersebut ditranskripsikan dan dianalisis untuk menentukan kadar percampuran dan penukaran kod serta jenis-jenis bahasa yang terlibat dalam proses ini. Selain itu, pola-pola penukaran kod dan proses pengasimilasian yang melibatkan unsur-unsur tatabahasa Tamil juga dianalisis. Seramai 10 orang penulis lirik lagu-lagu Tamil tempatan ditemu bual bagi mengetahui faktor-faktor yang mendorong penulis lirik lagu-lagu Tamil tempatan melakukan percampuran dan penukaran kod. Soal selidik telah ditadbirkan pada 50 pendengar lagu-lagu Tamil tempatan untuk mendapatkan pandangan dan pendapat mereka terhadap fenomena percampuran dan penukaran kod.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa daripada 65 buah lagu yang terkandung dalam MP3, 54 (83.0%) lirik lagu-lagu Tamil tempatan dicampurkan. Kajian juga menunjukkan bahawa percampuran kod paling banyak berlaku pada peringkat perkataan (165 kali) diikuti peringkat frasa ( 138 kali), peringkat ayat (90 kali) dan peringkat klausa (4 kali) . Bahasa asing yang paling kerap terlibat dalam perlakuan percampuran kod ialah bahasa Inggeris dan diikuti bahasa Melayu serta bahasa Hindi.

Pengkaji telah menemui 7 faktor utama yang mempengaruhi para penulis lirik lagu-lagu Tamil tempatan untuk mencampur dan menukar kod dalam penulisan lirik mereka. Faktor utama yang mendorong para penulis melakukan percampuran dan penukaran kod ialah penonjolan status dan imej masing-masing kerana kebanyakan penulis lirik juga merupakan penyanyi. Selain itu pengkaji juga mendapati para pendengar lagu-lagu Tamil tempatan tidak memandang berat terhadap percampuran dan penukaran kod, malah mereka menganggap fenomena ini sebagai satu perkara biasa yang tidak mengancam bahasa Tamil.

## ABSTRACT

The objectives of this study is to investigate the nature of code-mixing and code-switching in the lyrics of Malaysian Tamil songs and the factors influencing song writers to code-mix or code-switch. The frequency of code-mixing or code-switching at the level of words, phrases and sentences is analyzed. Apart from that, attempts are made to identify the types of languages most frequently code-switched. The researcher also analyzed the pattern in which code-mixing occurs. As code-mixing occurs in a *matrix language*, the *embedded language* undergoes several nativization processes involving the matrix language's grammatical aspects.

The researcher has used a mixed methods research design whereby the data was analyzed by qualitative and simple quantitative methods. The main source of the data was obtained from an MP3 titled *ni:nka:ta nencil:Voice of mannin maintarkal 2010* produced by local song writers which contains 65 resent Malaysian Tamil songs. The lyrics of the songs were transcribed and analyzed to determine the frequency of code-mixing and code-switching and the languages most frequently code-switched. The researcher also analyzed the patterns in which code-mixing occurred and the nature of Tamil grammatical aspects involved in the nativization process of the code-switched language. A total of 10 Malaysian Tamils song writers were interviewed to outline the factors influencing their code-switch in writing lyrics. Questionnaires were administered to 50 Malaysian Tamil song listeners to find out their opinion on code-switching and code-mixing in Tamil songs.

Research findings showed that 54 (83.0%) lyrics out 65 local Tamil songs contained code-mixing and code-switching. The analysis of the data also showed that code-

switching at the word level was found to be highest (165) compared to phrasal level (138), sentential level (90) and clausal level code-switching (4). English was most frequently used in code-mixing and code-switching followed by Malay and Hindi.

The researcher has identified 7 factors which influenced the local Tamil song writers to code-switch and code-mix their lyrics. The most influential factor is the promotion of one's status and image as a profound lyric writer or singer, since most of the lyric writers are also singers. As for the Tamil song listeners, their responses show that they accept the code-switching and code-mixing as a natural process in the modern entertainment genre in a multilingual setting and it is not considered as a threat endangering the Tamil language.

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya Encik Supramani Shoniah, atas segala bimbingan dan tunjuk ajar serta sokongan moral sehinggalah saya berjaya menghasilkan disertasi penyelidikan ini. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga kepada semua kakitangan Fakulti Bahasa Linguistik yang banyak membantu saya dalam hal-hal yang berkaitan dengan penyempurnaan kajian ini.

Kepada suami saya, Encik Murugendran Vanathan dan anak-anak saya Hershinaah, Pavenesh dan Hervhienessh, terima kasih kerana sentiasa memahami kesibukan saya semasa menyiapkan kajian ini. Penghargaan khas kepada ibu mertua saya, Puan Palaniamah, yang memahami situasi saya dan menjaga anak-anak saya yang masih kecil lagi tanpa mengeluh. Pengorbanan dan sokongan itulah yang sebenarnya menjadi perangsang untuk saya sehingga berjaya menamatkan pengajian di peringkat sarjana ini.

Tidak lupa ucapan terima kasih kepada abang saya Saravana Raja dan pelajar saya Maleni yang membantu dalam menyalin dan mentranskripsikan lirik lagu-lagu Tamil tempatan. Penghargaan juga saya rakamkan kepada sahabat-sahabat saya, Puan Agitha dan Encik Veeramohan yang telah banyak menghulurkan budi sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang perjalanan saya untuk menyiapkan tugas ini.

Letchumi Damodharan Nair  
Fakulti Bahasa Dan Linguistik  
Universiti Malaya